

Bakteria

Bakteria ialah organisme satu sel yang amat halus. Panjangnya 0.5 mikron hingga 20 mikron. Lebarnya 0.3 mikron hingga 2 mikron.

Bakteria terdapat di merata tempat dalam debu, di udara, di kulit, usus, mulut dan lain-lain. Tetapi hanya sebahagian kecil daripadanya yang mendebarkan penyakit.

Setengah-setengah bakteria berguna pada manusia, misalnya bakteria dalam usus membantu membentuk vitamin-vitamin kumpulan B dan vitamin K.

Bakteria-bakteria yang tidak menyebabkan penyakit dikategorikan sebagai bakteria bukan patogenik. Bakteria yang menyebabkan penyakit dikenali sebagai bakteria patogenik.

Perbedaan di antara bakteria patogenik dan bukan patogenik tidak selamanya nyata. Misalnya streptococcus viridans yang terdapat di tekak dengan tidak menyebabkan penyakit tetapi jika berada di jantung ia akan menyebabkan penyakit yang teruk.

Seseorang boleh membawa bakteria Clostridium diphtheria di dalam badannya dan tidak merasa apa-apa tetapi dia boleh menjangkitkannya kepada orang lain.

Bakteria boleh dikelaskan mengikut rupa bentuknya:

i) Coccus-berbentuk bulat

Diplococcus-berbentuk bulat, berada dalam pasangan.

Staphylococcus-berbentuk bulat, berada dalam satu kumpulan seperti anggur.

Streptococcus-berbentuk bulat berada dalam rangkaian yang panjang.

ii) Vibrio-berbentuk pendek dan melengkung

iii) Vibrio-berbentuk pendek dan melengkung.

iii) Bacillus –berbentuk dan lurus

iv) Spirochetes-berbentuk panjang dan berpintal.

v) Spirillum –berbentuk pendek dan berpintal

Bakteria juga boleh dikelaskan berdasarkan tindakbalasnya kepada pewarnaan cara Gram iaitu sama ada gram-positif atau gram negatif.

a) Gram positif.

Ini adalah bakteria yang boleh diwarnakan mengikut cara Gram. Contohnya Streptococcus, Mycobacterium, Staphylococcus, Bacillus dan Clostridium.

b) Gram-negatif

Ini adalah bakteria yang tidak boleh diwarnakan dengan cara Gram. Contohnya: Haemophilus, proteus, vibrio, Neisseria.